

'Kepala sakit seperti dipukul tanpa henti'

BH 17/9/14
MSR.

» 16 botol air dimasukkan dalam badan selama 6 hari di hospital akibat denggi



“
Saya juga hanya makan bubur ketika di hospital, itupun **hanya tiga sudu setiap kali makan kerana akan muntah jika makan lebih**”

Zul Shah Mustafa,
Ahli perniagaan

demam panas dua minggu lalu sebelum membuat pemeriksaan di Hospital Sungai Buloh, namun demamnya masih berterusan, malah bertambah teruk beberapa hari selepas itu.

“Ketika pemeriksaan kali pertama saya belum disahkan menghidap denggi, tapi kerana demam tak surut, saya ke sebuah hospital pakar dan disahkan menghidap denggi hingga dimasukkan ke da-

lam wad. Ketika itu, badan, kepala, lutut dan pinggang sangat sakit, nak baring tak selesa, selain cirit-birit dan muntah,” katanya, semalam.

Platelet darah menurun

Katanya, keadaan bertambah teruk apabila suhu badannya mencecah 39.6 darjah Celsius dan ba-

caan platelet darah menurun sehingga paras 78, menyebabkannya terpaksa dipindahkan dari wad biasa ke unit rawatan rapi (ICU) hospital berkenaan.

“Di ICU, saya tak dapat tidur dua hari kerana kepala terlalu sakit sepanjang masa. Saya juga hanya makan bubur ketika di hospital, itupun hanya tiga sudu se-


tiap kali makan kerana akan muntah jika makan lebih,” katanya.

“Doktor membenarkan saya keluar hospital Sabtu lalu, namun kesan denggi masih dirasakan, seperti pening dan tidak bermaya,” katanya sambil menambah, sebanyak 16 botol air dimasukkan ke dalam badannya selama enam hari berada di hospital.

INFO

Maklumat kes denggi terkini - 16 September 2014

Negeri	Jumlah kes harian	Jumlah kes terkumpul 2014
Johor	18	3,975
Kedah	2	718
Kelantan	99	11,789
Melaka	12	1,841
Negeri Sembilan	6	2,949
Pahang	4	1,080
Perak	13	3,795
Perlis	1	168
Pulau Pinang	2	1,416
Sabah	2	900
Sarawak	8	1,178
Selangor	141	34,424
Terengganu	9	881
WP Kuala Lumpur	10	4,936
WP Labuan	0	11
WP Putrajaya	0	243
Jumlah kes:	238	69,650



Perangi



AEDES

Oleh Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

“**K**epala sakit sepanjang masa seperti dipukul tanpa henti,” kata Zul Shah Mustafa, menceritakan pengalaman negeri diserang denggi sehingga terpaksa dirawat hampir seminggu di hospital, baru-baru ini.

Ahli perniagaan berusia 42 tahun ini berkata, beliau mulanya